

KONTINJEN UniMAP DALAM KEJOHANAN SUKAN ANTARA JABATAN KESELAMATAN UNIVERSITI MALAYSIA

Bertempat di Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), berlangsung Kejohanan Sukan Antara Jabatan Keselamatan Universiti Malaysia yang diadakan 21 hingga 24 April yang lalu. Kejohanan yang berlangsung selama empat hari ini menyaksikan penyertaan sebanyak 521 peserta dari 16 kontinjen termasuk Pusat Perubatan UKM. Sebanyak lima jenis sukan dipertandingkan iaitu bola tampar, futsal, boling, sepak takraw dan golf. Pasukan keselamatan UniMAP telah menghantar 11 orang peserta sahaja yang diketuai oleh En Hairi Osman. Pasukan UniMAP tidak menyasarkan apa-apa dalam kejohanan ini yang merupakan pendedahan awal kerana ramai di kalangan staf Jabatan Keselamatan terlibat dengan tugas yang tidak dapat dielakkan. Berikut merupakan sebahagian daripada keputusan penuh acara yang dipertandingkan :

SUKAN	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
Bola Tampar	UMT	USIM	UDM
Futsal	UTM	UPM	UM
Boling :			
Individu (L)	UDM	USM	UDM
Individu (W)	UMT	UDM	USIM
Berpasukan	USM	UDM	UMT
Pasukan Bowling UniMAP di tempat yang ke 7			

Tahniah kepada semua pemenang. Semoga kejohanan ini dapat melahirkan atlet yang bakal beraksi cemerlang di mana-mana kejohanan yang disertai dan mengharumkan nama universiti masing-masing dalam sukan Staf IPTA nanti.